

Kongsi penemuan saintifik

Oleh Nursyahira Marzuki
am@hmetro.com.my
Putrajaya

Burung Helang Siput (Haliaeetus leucogaster) dan replika Burung Bower antara tarikan utama pengunjung di pameran Natures Yield Wonders of Art (NYAWA): Bird di Muzium Alam Semula Jadi di Presint 15, di sini.

Pameran yang bermula 28 Januari lalu hingga 15 Mei depan diadakan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) bertujuan berkongsi penemuan saintifik oleh ahli akademik serta koleksi dari penyelidikan untuk tatapan masyarakat.



ANTARA pameran burung di pameran NYAWA.

FOTO: NURSYAHIRAH MARZUKI

Helang siput curi tumpuan

«DARI MUKA 1

Pengunjung, Mohd Zaim Irfan, 10, berkata, dia tertarik dengan pelbagai jenis burung yang dipamerkan terutama helang siput yang menjadi tumpuan.

“Saya suka ke sini kerana banyak jenis burung yang saya boleh lihat, biasanya saya hanya melihat burung helang menerusi televisyen, tetapi di sini saya dapat lihat lebih dekat.

“Selain burung, saya juga dapat melihat pelbagai perangkap dan sangkar serta berpeluang bermain congkak ukiran burung yang disediakan,” katanya.

Seorang lagi pengunjung, Xavier Pamela, 64, berkata, pameran ini memberi pendedahan dan kesedaran kepada pengunjung untuk lebih menghargai alam semula jadi di sekeliling mereka. Menurutnya, pameran ini

juga lokasi terbaik sebagai pembelajaran kepada kanak-kanak dan golongan dewasa kerana pihak muzium turut memaparkan penerangan mengenai bahan pameran berkenaan.

Sementara, Pengarah muzium Farizawati Sabri berkata, selain spesies burung, replika burung bower yang turut digelar sebagai ‘recycler’ turut dipamerkan bersama-sama sarangnya yang dibina menggunakan bahan kitar semula bagi menarik perhatian burung betina.

“Selain itu, kita juga mempamerkan jebak, pintu ukiran dan sangkar bagi mencerminkan budaya masyarakat tempatan yang begitu sinonim dengan haiwan ini sejak dulu lagi.

“Di muzium ini juga kita turut mengadakan beberapa aktiviti menarik seperti membuat boneka kertas dan origami burung yang dise-



BURUNG Helang Siput menjadi tarikan utama pada Pameran NYAWA: Bird di Muzium Alam Semula Jadi.

diadakan pada hujung minggu sepanjang pameran ini berlangsung,” katanya.

Katanya, sambutan orang ramai menggalakkan dan beliau berharap lebih ramai mengunjunginya terutama pada musim cuti perseko-

lahan akan datang.

Fariza berkata, pihaknya juga bercadang mengadakan dua lagi pameran iaitu Pameran Kerangan Laut, Perhiasan Lautan dan Pameran Skeleton pada masa akan datang.

Orang ramai boleh mengunjungi muzium setiap hari bermula jam 9 pagi hingga jam 5 petang dengan harga tiket RM2 bagi dewasa dan percuma bagi kanak-kanak di bawah 12 tahun.



REPLIKA burung Bower turut dipamerkan.